

23 FEB 2003

Aman-Syed Hamid (Bergambar)

PERHIMPUNAN SIMBOL BANTAH PEPERANGAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia sempena Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, malam ini merupakan simbol penyertaan rakyat Malaysia yang bersungguh-sungguh menentang peperangan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perhimpunan itu diharap dapat mengubah sikap pemimpin negara yang berkuasa besar supaya tidak menggunakan keganasan dan kezaliman sebagai kuasa memerintah.

"Perhimpunan ini bukan sebagai retorik semata-mata tetapi sebagai tuntutan keadilan, supaya tindakan kekerasan dan keganasan tidak digunakan untuk menunjukkan kuasa," katanya kepada pemberita selepas majlis melepaskan peserta Pertubuhan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) ke perhimpunan itu di sini, hari ini.

Sebanyak 300 buah motosikal dan 13 buah bas yang membawa 3,500 peserta dilepaskan di hadapan Wisma MAYC untuk ke perhimpunan itu.

MAYC dapat mengumpul 125,000 tandatangan sepanjang kempen itu berlangsung.

"Sebenarnya ada banyak lagi tandatangan yang kita perolehi tetapi pengiraan dibuat pada tarikh tutup yang ditetapkan iaitu 19 Feb lepas... tandatangan yang lain itu juga akan diserahkan bersama," katanya

Syed Hamid yang juga Presiden MAYC berkata usaha rakyat Malaysia yang bersungguh-sungguh menentang tindakan Amerika Syarikat melancarkan peperangan terhadap Iraq dan menyokong isu pembebasan Palestin mendapat pujian delegasi luar negara yang menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini.

Mereka melihat rakyat Malaysia begitu teratur dan tersusun menyampaikan hasrat secara aman yang memberi keyakinan kepada mereka terhadap kepimpinan Malaysia sebagai pengerusi sidang kemuncak NAM, katanya.

Beliau berkata dengan adanya perhimpunan itu, negara-negara berkuasa besar diharap dapat menjadikan budaya aman sebagai pakaian masyarakat antarabangsa dan tidak membenarkan mana-mana negara menggunakan kuasa mereka untuk memenuhi agenda masing-masing.

Satu deklarasi sempena kempen itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dikemukakan pada sidang kemuncak NAM.

"Suara Perdana Menteri yang berani dan berprinsip bukanlah satu suara yang sepi tetapi disokong oleh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan," katanya.

-- BERNAMA
LIB MUN NAK